

**PERANAN KALAM ANALITIK SEBAGAI FALSAFAH SAINS DALAM KRITIK
DAN SINTESIS SAINS ISLAM DAN SAINS SEMASA**

Dr Amran Muhammad

Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI Malaysia)¹

*(Sebagai makalah jemputan bagi Multaqa Ilmuwan Usuluddin pada 17 Disember 2018 di Universiti
Kebangsaan Malaysia)*

Abstrak

Inisiatif Tajdid Kalam yang dimulakan pada awal abad ke 20 dikalangan para sarjana Islam dari Mesir, India dan Turki dalam mendepani cabaran ilmu-ilmu moden ketika itu gagal menarik perhatian para reformis dan modenis disebabkan Kalam merupakan sebahagian dari tradisi silam yang dianggap tidak lagi relevan bagi umat Islam. Bagaimanapun setelah lebih 100 tahun berlalu, agenda reformis dan modenis ini masih belum berupaya mengemukakan manhaj atau metodologi yang jelas bagaimana umat Islam boleh mendepani ilmu-ilmu moden. Penulisan ini bertujuan menyahut kembali seruan Tajdid Kalam tersebut dengan menyambung semula tradisi analitik dalam Islam yang dipelopori oleh para Mutakallimun sejak abad kedua Hijrah membentuk satu manhaj atau metodologi yang dikenali sebagai Tariqah al-Mutakallimin merentasi disiplin Mantiq, Kalam dan Usul-Fiqh yang stabil dan konsisten selama lebih 1000 tahun sehingga ke abad 19 Masihi yang merupakan era permulaan tradisi keilmuan Islam yang utama seperti Falsafah, Kalam, Usul-Fiqh dan Tasawwuf mula dipinggirkan oleh pemikiran dan gerakan reformis dan modenis. Penulisan ini menampilkan Inisiatif Tajdid Kalam Abad ke 21 sebagai kesinambungan tradisi penyelidikan Kalam Analitik berdasarkan Metodologi Mutakallimun (Tariqah al-Mutakallimin) sebagai pendekatan Analisis, Kritik dan Sintesis antara Sains-Sains Islam dengan Sains-Sains Semasa.

Falsafah Sains²

Falsafah Sains muncul pada awal abad ke 20 sebagai satu disiplin ilmu falsafah khusus yang mengkaji sifat dan tabi'at ilmu pengetahuan sains moden semasa, dikembangkan mengikut pendekatan mazhab Logical Empiricism gagasan Vienna Circle yang pengaruhnya masih terus berleluasa dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan (sains-sains semasa seperti sains tabi'i, sains sosial, kemanusiaan dan seni serta sains, teknologi dan inovasi - STI) hari ini. Para

¹ ISSI-KRM Kalam Station, Suite C-3-4, 3rd Floor, Tower C, Wisma Goshen, Plaza Pantai, No. 5, Jalan 4/83A, Off Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel/Faks: +603-22020606, amran1551@gmail.com, 017-2437007.

² Gillies, Donald, *Philosophy of Science in the Twentieth Century*, (Oxford: Blackwell, 1993).

pelopor Falsafah Sains ini malah mengusulkan sebuah *Manifesto Kesatuan Sains*³ yang mengemukakan sikap dan pegangan mereka mengenai definisi, penghuraian, justifikasi, pemerhatian, nilai dan tujuan ilmu pengetahuan yang bebas nilai dan anti-metafizik. Oleh kerana Falsafah Sains juga tumbuh dari bidang ilmu falsafah yang lebih luas, maka tidak dapat tidak ia juga membahaskan persoalan-persoalan asasi Falsafah seperti Logik, Epistemologi, Ontologi dan Aksiologi. Falsafah Sains juga disebut sebagai Metasains - sains aturan kedua (*second order science*) kerana ia menyelidiki hal-ehwal disiplin-disiplin ilmu pengetahuan semasa yang berada pada aturan pertama (*first order science*) seperti disiplin khusus Fizik, Biologi, Matematik, Ekonomi, Politik, Psikologi, Teknologi, Kejuruteraan, Perubatan, Seni dan seumpamanya.

Perkembangan Falsafah Sains turut disertai dengan perkembangan disiplin kajian mengenai pelbagai aspek ilmu pengetahuan sains-sains semasa termasuklah Sejarah, Metodologi, Sosiologi, Psikologi dan Politik sains-sains tersebut. Secara umumnya Falsafah Sains menyelidik pelbagai dimensi ilmu pengetahuan saintifik dan disiplin-disiplin sains-sains semasa berdasarkan pendekatan Kritik, Analisis dan Sintesis seperti yang dahulunya pernah dilakukan oleh Aristotle dalam buku *Posterior Analytics* dan para Mutakallimun juga Failasuf Muslim dalam kitab *Al-Burhan* (Pendalilan/Pembuktian). Dalam konteks ini perbincangan Falsafah Sains Moden memiliki beberapa persamaan yang ketara dengan kitab *Al-Burhan* para Mutakallimun yang juga mengambil pendekatan Kritik, Analisis dan Sintesis disamping kitab-kitab disiplin ilmu Kalam yang didahulukan dengan persoalan Logik (Mantiq), Epistemologi (Nazariyyah al-Ma'rifah), Ontologi (Mawjudat/Mumkinat) dan juga Aksiologi (Husn wa Qubh) pada bahagian akhirnya.

³ Carnap, Rudolf, "Logical Foundations of the Unity of Science." Dalam *International Encyclopaedia of Unified Science*. Vol. 1 No. 1, (Chicago: Chicago University Press, 1938).



Kedudukan Falsafah Sains dan Cabang-Cabang Kajiannya



Falsafah Sains dan Hubungannya dengan Falsafah Disiplin-Disiplin Sains

Analisis, Kritik dan Sintesis Sains

Ilmu pengetahuan dan pelbagai disiplin sains dahulu dan sekarang tercetus dan berkembang melalui aktiviti-aktiviti Analisis, Kritik dan Sintesis. Hatta dalam ilmu-ilmu Agama Islam (sains-sains Islam) yang tradisional seperti Tafsir dan Hadith, kemunculan dan kemajuan disiplin-disiplin ini bergantung kepada penyelidikan para Mufassir dan Muhaddith yang kesemuanya melalui proses Analisis, Kritik dan Sintesis. Jika bagi disiplin-disiplin ilmu yang kandungan naqliyyahnya lebih dominan pun proses Analisis, Kritik dan Sintesis tidak dapat dielakkan, inikan pula bagi disiplin-disiplin ilmu yang peranan aqliyyah/nazariyyahnya adalah lebih jelas seperti Kalam, Falsafah, Usul-Fiqh/Fiqh dan Tasawwuf. Hal ini mengisyaratkan bahawa perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan Agama (sains-sains Islam) dan Bukan-

Agama (sains-sains semasa) hanya boleh menjadi kelaziman dan kenyataan bagi sesebuah masyarakat dan peradaban yang menguasai dan mengamalkan ketrampilan Analisis, Kritik dan Sintesis ilmu.

Malah kita mendapati pemindahan ilmu pengetahuan dan disiplin-disiplin sains dari satu peradaban ke satu peradaban lain terjadi bilamana kemahiran Analisis, Kritik dan Sintesis ilmu ini menjadi tumpuan utama peradaban tersebut. Penghasilan karya-karya ilmu dan sains Peradaban Yunani terbina dari tahun 500SM – 200SM atas keupayaan Analisis, Kritik dan Sintesis Thales, Anaximander, Pythagoras, Socrates, Aristotle, Plato, Stoics dan Euclid misalnya. Kemudiannya tradisi Analisis, Kritik dan Sintesis ini disambut pula oleh para ilmuwan Islam seperti Al-Kindi, Al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Haytham, Al-Jazari, Al-Ghazali, Ibn Rushd, Fakharuddin Al-Razi, Al-Baydawi, Al-Taftazani, Ibn Khaldun dan ramai lagi bagi membina peradaban keilmuan Islam yang cemerlang disekitar tahun 800M – 1500M. Bermula dari gelombang penterjemahan sains dan ilmu Yunani, para ilmuwan Islam kemudiannya mengolah dan menambah sains dan ilmu Yunani menjadi sains dan ilmu milik Peradaban Islam. Kemudiannya kecekapan Analisis, Kritik dan Sintesis ini diusahakan pula oleh para sarjana Teologi Kristian seperti Albert Magnus, Roger Bacon, Thomas Aquinas, William of Ockham dan Don Scotus bagi menterjemahkan dan kemudian memindahkan pelbagai ilmu dan sains Peradaban Islam menjadi ilmu dan sains Peradaban Kristian Abad Pertengahan dari tahun 1100M-1500M. Begitulah juga yang berlaku kepada Peradaban Barat Moden bermula sekitar tahun 1600M melalui para sarjana seperti Francis Bacon, Nicholas Copernicus, Galileo Galilei, Rene Descartes dan Isaac Newton yang menguasai aktiviti-aktiviti Analisis, Kritik dan Sintesis sains dan ilmu bagi menghasilkan pelbagai disiplin sains dan ilmu pengetahuan yan kita masih warisi sehingga ke hari ini. Menarik untuk kita menyelidik mengapa sains dan ilmu dari Peradaban India dan China tidak berkembang dalam tradisi Analisis, Kritik dan Sintesis sepertimana sains dan ilmu Peradaban Yunani, Islam, Kristian Abad Pertengahan dan Eropah Barat Moden.

Ilmu Kalam⁴

Ilmu Kalam memiliki tradisi dan trajektori yang panjang lagi penting dalam Peradaban Keilmuan Islam. Dalam dunia keilmuan Islam, terdapat sekurang-kurangnya empat disiplin ilmu aqliyyah/nazariyyah yang penting iaitu Kalam, Falsafah, Usul-Fiqh/Fiqh dan Tasawwuf. Manakala disiplin ilmu yang menjadi sumber rujukan utama isi-kandungan ajaran Islam iaitu Tafsir dan Hadith bolehlah dianggap lebih mendekati disiplin ilmu naqliyyah sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ilmu Kalam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam tradisi keilmuan Islam kerana ia dianggap sebagai disiplin ilmu yang paling universal (kulliyah) berbanding dengan disiplin ilmu lain yang dianggap khusus (juz'iyah). Ilmu Kalam juga dinamakan oleh Abu Hanifa sebagai Fiqh al-Akbar (Fiqh yang Paling Besar) berbanding dengan Fiqh-Fiqh yang lain. Pelbagai penamaan juga telah diberikan kepada Ilmu Kalam seperti Usuluddin, Tawhid, Akidah dan seumpamanya yang kesemuanya merujuk kepada perannya bagi memperjelas dan menghuraikan pokok-pokok ajaran Islam yang berkaitan dengan Rukun Iman atau keimanan. Tidak menghairankan jika Ilmu Kalam diterima sebagai ilmu yang paling mulia dan tertinggi dalam klasifikasi dan hirarki keilmuan Islam.

Keistimewaan Ilmu Kalam bukan sahaja kerana ia bersifat universal (kulliyah) membicarakan prinsip-prinsip atau aksiom-aksiom Keimanan, Ketuhanan (Ilahiyyat), Kenabian (Nubuwwat) dan Kebangkitan (Akhirat/Sam'iyah) tetapi juga kerana Ilmu Kalam didahulukan dengan perbincangan tentang Logik (Mantiq), Epistemologi (Nazariyyah al-Ma'rifah) dan Ontologi (Mawjudat/Mumkinat) yang kesemua ini merupakan sifat dan tabi'at utama Metasains atau Falsafah Sains. Malah Ilmu Kalam turut membincangkan mengenai Aksiologi (Tahsin dan Taqbih), faham nilai yang penting dalam persoalan hubungan antara Ilmu, Nilai dan Etika. Dalam konteks inilah penulisan ini bertujuan mengemukakan betapa Ilmu Kalam sangat relevan dan berpotensi memainkan peranan sebagai Falsafah Sains kerana ciri-ciri Teoretikalnya (Nazariyyah), Universalnya (Kulliyah) dan Fundamentalnya (Usuliyah) pada menghuraikan sifat dan tabiat ilmu pengetahuan dan disiplin-disiplin ilmu lainnya. Justeru penulisan ini ingin mencadangkan sebagai permulaan bagaimana Ilmu Kalam dari tradisi keilmuan Islam arus perdana ini boleh dihidupkan semula dengan lebih berkesan sebagai Falsafah Sains ataupun Metasains Islam memandangkan sehingga kini belum wujud sebarang

⁴ Karya Winter, Tim, *The Cambridge Companion to Classical Islamic Theology*, (Cambridge University Press, 2008) memberi gambaran lebih terperinci mengenai mauduk Ilmu Kalam.

usaha membina disiplin Falsafah Sains/Metasains yang benar-benar berakar dari tradisi keilmuan Islam dikalangan para sarjana Muslim semasa secara lebih terperinci.

Tradisi, Trajektori dan Tajdid Ilmu Kalam⁵

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, umat Islam mula dihadapkan dengan persoalan-persoalan yang berkait-rapat dengan keimanan, kehendak, kebebasan, ketentuan dan kepimpinan. Pengembangan pesat Islam juga menyebabkan pemikiran-pemikiran asing mula mempengaruhi dan mencabar faham-faham asas keimanan umat Islam. Justeru perdebatan tentang persoalan-persoalan ini menumbuhkan satu disiplin ilmu yang dinamakan Ilmu Kalam menjelang abad kedua Islam. Antara tokoh-tokoh awal yang membicarakan persoalan-persoalan Kalam ini termasuklah Hasan bin Muhammad bin al-Hanafiyah (m.99/718-101/720), Umar b. Abd al-Aziz (m.99/717-101/720) dan al-Hasan al-Basri (m.110/728). Kemudiannya muncul kelompok Qadariyyah melalui Ma'bad dan Ghaylan; juga kelompok Jahmiyyah melalui Jahm bin Safwan (m.128/745-6) dan Dirar bin Amr (m.200/815); sebelum timbulnya mazhab Kalam pertama yang besar dan berpengaruh iaitu Muktazilah melalui tokoh-tokoh seperti Wasil bin Ata (m.131/748-9), Amr bin Ubayd (m.144/761), Abul-Hudayl al-Allaf (m.227/842), Abu Ali al-Jubba'i (m.303/915-16) dan Abul-Qasim al-Balkhi (m.319/931).

Sebagai reaksi balas kepada pemikiran-pemikiran Muktazilah, pemikiran tokoh-tokoh seperti Ibn Kullab (m.240/854-5), al-Muhasibi (m.243/857) dan al-Qalanisi (hidup abad ketiga/9M) menjadi rujukan awal kepada pembentukan mazhab Kalam Asha'irah. Abu Hasan al-Ash'ari (m.324/935-6) menjadi pengasas tradisi Kalam Asha'irah yang membentuk mazhab akidah terbesar umat Islam sehingga ke hari ini bersama pengasas mazhab Kalam Maturidiyyah Abu Mansur al-Maturidi (m.333/944) yang dinamakan sebagai akidah Asha'irah-Maturidiyyah. Kalam Maturidiyyah mempunyai akar yang kuat dari pengaruh Abu Hanifa (m.150/767) melalui kitab beliau Fiqh al-Akbar. Tradisi Kalam Asha'irah-Maturidiyyah inilah yang mewakili akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai arus perdana akidah dan pemikiran Islam di seluruh dunia umat Islam hari ini. Dalam konteks ini, Kalam Asha'irah-Maturidiyyah dengan tradisi yang berakar dari awal Islam dan dengan trajektori yang panjang sepanjang sejarah peradaban umat Islam berpotensi untuk dilakukan proses tajdid/pembaharuan bagi menghasilkan sintesis baru sains-sains Islam dengan sains-sains semasa. Gambaran penuh

⁵ Rujukan terbaru dan lengkap tentang Tradisi, Trajektori dan Tajdid Kalam ialah Schmidtke, Sabine, *The Oxford Handbook of Islamic Theology*, (Oxford University Press, 2016).

mengenai Tradisi, Trajektori dan Tajdid Kalam boleh dilihat seperti dalam gambar rajah di bawah ini.



1000 Tahun Tradisi, Trajektori dan Tajdid Kalam

Kategori Ilmu Kalam dan Kedudukan Kalam Analitik

Abad ke 20 menyaksikan majoriti umat Islam memahami dan menghayati akidah dan pemikiran Islam tanpa menggunakan sebarang kitab akidah muktabar yang khusus. Dengan berkembangnya pengaruh moden dan salafis selepas tahun 1970an, kitab-kitab akidah yang masyhur dalam tradisi akidah Kalam Ahli Sunnah Wal Jamaah Ashairah-Maturidiyyah seperti Umm al-Barahin Al-Sanusi, Jawharah al-Tawhid Al-Laqqani, Sharh Aqaid al-Nasafiyyah Al-Taftazani dan Al-Iqtisad fil 'Itiqad Al-Ghazali tidak langsung menjadi pembacaan dan pengajian akidah dan pemikiran Islam bagi sebahagian besar umat Islam. Akibatnya pembelajaran akidah dan pemikiran Islam menjadi sangat cetek dan simplistik tanpa keupayaan analitik dan sistematik seperti yang lazimnya terdapat pada metodologi kitab-kitab yang dinyatakan diatas. Justeru kelompongan pengisian akidah dan pemikiran Islam berasaskan kitab-kitab muktabar akidah ini telah mencetuskan pelbagai kekeliruan dan pertentangan akidah dan pemikiran Islam dikalangan pelbagai kelompok umat pada hari ini.

Sekiranya umat Islam hari ini berjiwa-besar, berhati terbuka dan bersedia belajar dari tradisi akidah dan pemikiran Kalam Asha'irah-Maturidiyyah, mereka akan mendapati para

Mutakallimun telah membina dan menyediakan satu manhaj atau pendekatan dalam beberapa bentuk Kategori atau Metodologi Penyelidikan dan Penulisan tertentu untuk memahami dan menghayati akidah dan pemikiran Islam dan persoalan yang berkaitan dengannya melalui Ilmu Kalam. Bentuk-bentuk kategori yang berbeda ini diformulasi dengan kaedah ilmiah yang kompleks, kompetitif lagi komprehensif bagi menangani pelbagai persoalan akidah dan pemikiran meliputi zaman dan lingkungan semasa mereka. Berbekalkan pendekatan mengharmonikan naqal dan aqal – wahyu dan rasionaliti, kaedah analisis yang logikal dan rasional, sistemisasi dan sintesis ilmu agama, ilmu terdahulu dan ilmu terkini, para Mutakallimun telah mewariskan kepada umat Islam hari ini, kategori khusus kitab-kitab Ilmu Kalam yang berupaya untuk merungkai pelbagai persoalan yang melibatkan isu dan cabaran akidah dan pemikiran berdasarkan konteks dan aplikasi semasa kita pula sekiranya kita mahu dan tahu memanfaatkannya.

Pertama: Kalam Publik - Kategori Syarah atas Matan Akidah Awam sebagai Kalam untuk Orang Awam

Dalam konteks dunia globalisasi dan teknologi komunikasi hari ini, pemisahan antara orang awam dan orang khusus/khawwas (elit) hampir pupus berhubung dengan sebaran ilmu, akidah dan pemikiran. Pembentukan apa yang kita boleh namakan sebagai Kalam Publik atau Kalam Orang Awam sangat diperlukan sekarang ini bagi mendepani penularan dan penyebaran idea, ideologi, isme, akidah dan pemikiran yang boleh mengganggu-gugat pokok-pokok kefahaman akidah dan pemikiran umat. Apakah justifikasi kita untuk mengharamkan atau membidaahkan atau menyesatkan umat Islam yang menggunakan disiplin Ilmu Kalam bagi menolak bahaya atheisme, agnostisme, anarkisme, sekularisme, liberalisme, pascamodenisme dan seumpamanya yang sedang berleluasa mempengaruhi pegangan akidah dan pemikiran umat Islam? Justeru Kalam Publik atau Kalam Awam yang bersifat massa dan popular mestilah dikembangkan bagi membina semula kesedaran keimanan, ketuhanan dan keagamaan dalam kehidupan umat berdasarkan disiplin Ilmu Kalam.

Disinilah peranan *Kalam Publik - Kategori Syarah atas Matan Akidah Awam* seperti kitab-kitab Umm al-Barahin Al-Sanusi, Jawharah al-Tawhid Al-Laqqani, Sharh Aqaid al-Nasafiyyah Al-Taftazani dan Al-Iqtisad fil 'Itiqad Al-Ghazali sewajarnya diperkenalkan semula ke dalam kancah masyarakat umat Islam. Sehubungan dengan ini juga, *Kalam Publik - Kategori Syarah atas Matan Akidah Awam* yang masyhur di Nusantara seperti Durr al-Thamin Shaykh Daud Al-Fathani, Aqidat al-Najin Tuan Minal, Faridat al-Faraid Shaykh Ahmad Al-Fathani, Bakurat

al-Amani Pak Da'el Al-Fathani dan pelbagai lagi kitab-kitab akidah Melayu Jawi perlu disebarluaskan dikalangan masyarakat awam menggunakan pendekatan massa dan popular semasa. Kewujudan pengajian dan wacana Kalam Publik ini berupaya memberikan ketahanan dan pemantapan akidah dan pemikiran umat dalam mendepani pelbagai ancaman dan syubhat idea, isme dan ideologi yang mendatang.

Kedua: Kalam Strategik - Kategori Al-Mihal wal-Nihal / Al-Farq Bayna Al-Firaq sebagai Kalam untuk Dasar dan Ruang Awam

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan bernegara hari ini, umat berdepan dengan pelbagai aliran berfikir sesama muslim dan juga dikalangan bukan muslim. Misalnya terdapat kelompok masyarakat yang digelar liberal sedang bertentangan dengan kelompok masyarakat yang dilabel literal. Terdapat juga kelompok-kelompok agama yang pelbagai yang perlu berinteraksi atau bermuamalah secara aman-damai dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia. Keupayaan untuk memahami, menyantuni serta melestari kepelbagaian pemikiran ini memerlukan satu pembentukan Kalam Strategik atau Politik bagi mengurus kepelbagaian yang ada serta membina permufakatan dan konsensus nasional yang lebih harmoni dan saling memahami.

Pembentukan Kalam Strategik atau Politik ini boleh diasaskan dari *Kalam Strategik - Kategori Al-Mihal wal-Nihal / Al-Farq Bayna Firaq* yang telah dihasilkan oleh para Mutakallimun yang sangat berguna dalam menerang dan menjelaskan kepelbagaian bentuk pemikiran dikalangan umat Islam juga bukan Islam bagi mendapat pendedahan terhadap orientasi, asal-usul, kaedah berfikir serta hujah-hujah golongan pelbagai idea, isme dan ideologi ini. Termasuk *Kalam Strategik - Kategori Al-Mihal wal-Nihal / Al-Farq Bayna Firaq* ini ialah kitab Maqalat Islamiyyin Al-Asha'ri itu sendiri, *Al-Farq Baina Al-Firaq* Abu Mansur Abdul Qahir al-Baghdadi dan *Al-Mihal wal-Nihal* Al-Shahrastani juga *Al-Fashl fi Al-Mihal wal Nihal* Ibn Hazm dan seumpamanya. *Kalam Strategik - Kategori Al-Mihal wal-Nihal / Al-Farq Bayna Firaq* sangat berpotensi diperkembangkan dalam Kalam Strategik dan Politik kerana ia memperlihatkan objektiviti dan keterbukaan para Mutakallimun dalam menilai kepelbagaian pemikiran sesama Islam, pemikiran falsafah dan juga agama-agama lain.

Ketiga: Kalam Analitik - Kategori Syarah, Hasyiah dan Ta'liqat atas Syarah (Supercommentary) sebagai Kalam untuk IPT Awam

Pada peringkat ilmiah tertinggi pula, sangat perlu diusahakan pembentukan Kalam Analitik atau Kalam Akademik akademik bagi menyumbang penghasilan ilmu-ilmu baru berdasarkan pendekatan *Kalam Analitik - Kategori Syarah, Hasyiah dan Ta'liqat atas Syarah (Supercommentary) sebagai Kalam untuk IPT Awam* seperti yang dilakukan oleh Fakharuddin Al-Razi dalam *Muhassal*, Al-Taftazani dalam *Maqasid* dan Abdul Rahman Al-Iji dalam *Mawaqif* juga Al-Jurjani dalam *Sharh Mawaqif*. Pendekatan yang menjurus kepada penghuraian epistemologi dan ontologi dan juga aksiologi yang dilakukan oleh Fakharuddin Al-Razi, Al-Taftazani, Abdul Rahman Al-Iji dan Al-Jurjani sangat relevan dalam konteks perbahasan ilmu-ilmu sains semasa termasuklah sains tabi'i, sains sosial, sains psikologi dan sains teknologi.

Kalam Analitik - Kategori Syarah, Hasyiah dan Ta'liqat atas Syarah (Supercommentary) sebagai Kalam untuk IPT Awam ini membuktikan betapa para Mutakallimun bukan sahaja menjelaskan persoalan akidah dan pemikiran dalam konteks memahami agama semata-mata malah mereka menunjukkan bagaimana akidah dan pemikiran ini juga berguna untuk membina kefahaman terhadap alam semesta, psikologi manusia dan penghasilan ilmu-ilmu baru. IPT Awam khususnya para ahli akademik dan mahasiswa perlu memainkan peranan penting membina dan menghidupkan projek dan program Kalam Analitik atau Kalam Akademik yang akhirnya menuju kearah pembentukan ilmu dan sains Tawhidik bagi manfaat umat Islam dan umat manusia umumnya.

Pembentukan tiga inisiatif *Kalam Publik, Kalam Strategik dan Kalam Analitik* berdasarkan kepada tiga kategori kitab-kitab muktabar Ilmu Kalam; 1) *Kategori Syarah atas Matan Akidah Awam*, 2) *Kategori Al-Mihal wal-Nihal / Al-Farq Bayna Firaq* dan 3) *Kategori Syarah, Hasyiah dan Ta'liqat atas Syarah (Supercommentary)* adalah pembuktian bahawa tradisi Kalam adalah tradisi keilmuan akidah dan pemikiran yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Umat Islam Abad ke 21 perlulah menerima hakikat bahawa Ihya Ilmu Kalam atau Tajdid Kalam / Kalam Jadid adalah peluang keemasan mereka bagi memperkukuhkan akidah dan pemikiran Islam mereka dalam menghadapi krisis dan konflik akidah, pemikiran dan peradaban semasa. Dengan menjadikan kitab-kitab muktabar Ilmu Kalam ini benar-benar relevan dan sentral dalam kehidupan dengan segala bentuk penambahbaikan terhadap tradisi

dan kandungannya yang telah berusia lebih 1000 tahun ini, peluang umat Islam Abad ke 21 untuk memaknai kehidupan dan peradaban kemanusiaan akan lebih meyakinkan.



Pembahagian Kalam Analitik, Strategik dan Awam



Peranan Ilmu Kalam Dalam Masyarakat Islam

Klasifikasi dan Sintesis Sains Islam dan Sains Semasa⁶

Dari perspektif Falsafah Sains/Metasains, pembentukan dan pembahagian disiplin-disiplin ilmu pengetahuan (sains-sains) dari Zaman Permulaan Sains Rasional dan Sistematis yang dikatakan bermula sekitar tahun 500SM sehingga ke Abad 21 ini tidaklah jauh berubah meskipun telah menempuh lebih 2500 tahun Peradaban Keilmuan Insan. Klasifikasi

⁶ Contoh-contoh klasifikasi ilmu dalam Islam sila rujuk Osman Bakar, *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*, (Kuala Lumpur: IKD, 1992). Juga Ibn Khaldun, *The Muqaddimah: An Introduction to History*, terj. Franz Rosenthal (Princeton University Press, 2005).

keseluruhan ilmu pengetahuan manusia kepada sekurang-kurangnya empat disiplin utama yang dimulakan oleh Peradaban Keilmuan Yunani masih terus berlaku sehingga ke hari ini iaitu disiplin-disiplin Ilmu *Teoria*, Ilmu *Praxis*, Ilmu *Psyche* dan Ilmu *Techne*. Ilmu *Teoria* ialah Sains *Teoretikal* meliputi Fizik, Biologi, Kimia, Matematik, Logik, Falsafah dan Metafizik yang dalam Islam disebut Ulum Nazariyyah. Ilmu *Praxis* ialah Sains *Praktikal* dan Kemanusiaan meliputi Politik, Ekonomi, Sosiologi, Undang-Undang, Perniagaan, Seni Budaya yang dalam Islam dinamakan Ulum *Amaliyyah*. Ilmu *Psyche* ialah Sains *Psikologikal* yang mengandungi disiplin-disiplin pembinaan diri-individu manusia seperti Psikologi, Pendidikan, Kepimpinan yang dalam Islam dinamakan Ulum *Ruhaniyyah*. Manakala Ilmu *Techne* ialah Sains *Teknologikal* mencakupi disiplin-disiplin kepandaian merekacipta dan merekayasa artifak dan produk seperti Kejuruteraan, Perubatan, Seni Bina, Pertanian dan pelbagai disiplin penghasilan teknologi yang dalam Islam dinamakan Ulum *Sina'iyah*.

Meskipun perbincangan ini tidak dapat menyebut semua disiplin sains yang wujud, ini tidak bermakna disiplin-disiplin sains tersebut terkeluar dari mana-mana empat disiplin utama *Teoretikal*, *Praktikal*, *Psikologikal* dan *Teknologikal*. Begitu juga terdapat banyak pertindanan antara disiplin-disiplin sains yang mungkin berada dalam lebih dari satu kategori utama merupakan sifat dan tabi'at biasa bagi ilmu pengetahuan akibat dari pertindanan metodologi atau objek kajian. Pun begitu klasifikasi ilmu pengetahuan kepada empat disiplin utama ini secara umumnya masih menepati dan bermanfaat.

Dilema permisahan antara sains-sains Islam dan sains-sains semasa akan terus menghantui sarjana-sarjana Islam yang peka tentang permasalahan yang timbul akibat pemisahan ini. Antaranya ialah masalah kekeliruan pandangan alam dan nilai kehidupan yang berbeza terbit dari dua sistem ilmu ini sekaligus melahirkan individu-individu terpelajar Muslim yang juga akan keliru pandangan alam dan nilai kehidupan mereka. Setakat ini usaha-usaha gagasan Islamisasi dan Integrasi Ilmu yang telah bergerak sejak lebih 30 tahun dahulu masih belum mengatasi masalah ini dengan berkesan. Permisahan disiplin-disiplin sains dalam dua sistem ilmu ini terus berlaku kerana tiada usaha lebih terperinci untuk melakukan kritik, analisis dan sintesis terhadap disiplin-disiplin tersebut. Ditambah pula tiada usaha untuk menjambatani disiplin-disiplin dalam dua sistem ilmu ini secara lebih praktikal dan sistematik.

Kalam Nazari, Kalam (Usuluddin) dan Sains Tab'i

Sejak Abad ke 17 yang sering dirujuk sebagai Revolusi Saintifik di Eropah, disiplin-disiplin Sains Tab'i seperti Fizik, Kimia dan Biologi berkembang berlandaskan idea-idea teras dari *New Organon* Francis Bacon (1561-1626), *Dialogue Concerning the Two Chief World Systems* Galileo Galilei (1564-1642), *Discourse on Method* Rene Descartes (1596-1650), *Skeptical Chemist* Robert Boyle (1627-1691) dan *Philosophiae Naturalis Principia Mathematica* Isaac Newton (1642-1726). Meskipun tokoh-tokoh Revolusi Saintifik Abad ke 17 ini pada asalnya masih berpegang kepada teologi Kristian dan karya-karya saintifik mereka masih berbicara tentang peranan Tuhan dan hubungannya dengan alam semesta, menjelang Zaman Pencerahan Eropah Abad ke 18 (Age of Enlightenment), pensekularan Revolusi Saintifik menjadi kegiatan utama tokoh-tokoh Perancis seperti Voltaire (1694-1778), Rousseau (1712-1778) dan Diderot (1713-1784); juga tokoh-tokoh Inggeris seperti David Hume (1711-1776) dan Adam Smith (1723-1790); dan tokoh Jerman Immanuel Kant (1724-1804). Bermula dari Zaman Pencerahan Eropah itulah metafizik dan metodologi sains mula berpegang kuat kepada falsafah atau mazhab Naturalisme yang menolak sebarang peranan Ketuhanan, Keruhanian dan Keagamaan dalam kegiatan sains.

Falsafah dan mazhab Naturalisme sains Zaman Pencerahan ini kekal sehingga hari ini sebagai Mazhab Ortodoks sains semasa terutamanya melalui pengaruh Logical Empiricism cetusan Vienna Circle pada awal Abad ke 20 seperti yang dinyatakan sebelum ini. Antara mauduk utama Falsafah Sains Abad ke 20 ialah tentang status dan keabsahan metodologi saintifik itu sendiri disamping Falsafah disiplin-disiplin khusus seperti Falsafah Fizik dan Falsafah Biologi. Selepas Logical Empiricism, muncul tokoh-tokoh seperti Karl Popper, Thomas Kuhn, Imre Lakatos, Larry Laudan dan Paul Feyerabend yang mengkritik Logical Empiricism dengan Falsafah Sains yang dikenali sebagai Pasca Positivisme.

Dalam konteks perbahasan Falsafah Sains semasa, Kalam Nazari boleh memainkan peranan penting mengemukakan pendekatan dan pandangan Kalam dalam mauduk perbincangan seperti permasalahan induksi, sebab-musabab, atomisme, mekanik kuantum, evolusi, kebarangkalian fenomena dan seumpamanya. Disamping itu juga Kalam Nazari boleh mengengahkan persoalan Naturalisme dan Atheisme yang menjadi pegangan Ortodoks sains

untuk dinilai semula serta membawa hal-hal Ketuhanan, Keagamaan dan Keruhanian dalam sains semasa.⁷

Kalam Amali, Usul-Fiqh dan Sains Sosial

Oleh kerana pengaruh Logical Positivisme yang sangat kuat dalam tradisi keilmuan Barat abad ke 20, Falsafah Sains Sosial juga banyak dipengaruhi oleh pendekatan Falsafah Sains Tab'i dalam seperti yang berlaku dalam disiplin-disiplin Sosiologi, Ekonomi dan Politik. Antara tokoh utama Sains Sosial Moden ialah Auguste Comte (1798-1857) yang mengarang buku *The Course in Positive Philosophy* dan *A General View of Positivism*. Kemudiannya Karl Marx (1818-1883), Emile Durkheim (1858-1917) dan Max Weber (1864-1920) mengasaskan apa yang kita fahami sebagai disiplin-disiplin Sains Sosial Moden ketika ini. Secara umumnya Falsafah Sains Sosial membicarakan tentang logik, kaedah dan prinsip-prinsip sosial dan praktikal. Falsafah Sains Sosial juga berkaitan dengan Praxeologi iaitu teori tentang tindak-tanduk manusia yang diasaskan oleh Ludwig von Mises (1881-1973) dan Tardeusz Kotarbinski (1886-1981). Seperti Falsafah Sosial Sains, Praxeologi membahaskan tentang agensi atau potensi tindak-tanduk manusia, hubungan tindak-tanduk manusia sebagai fenomena sosial dan praktikal, hukum-hukum sosial dan praktikal dan juga isu-isu ontologi, epistemologi dan aksiologi sosial dan praktikal.

Sains Sosial atau Sains Praktikal jika ia membahaskan tentang teori-teori tindak-tanduk dan perbuatan manusia sudah tentu ia sangat dekat dengan Usul-Fiqh dan juga Fiqh yang juga berkaitan dengan hukum-hakam tindak-tanduk dan perbuatan manusia. Maka dalam konteks ini Kalam Amali merupakan perbincangan khusus amaliyyah insaniyyah amal-perbuatan serta tindak-tanduk manusia dilihat dari perspektif Islam khususnya dari perspektif Usul-Fiqh itu sendiri. Kalam Amali boleh memberikan jawapan balas terhadap kritikan yang selama ini dilemparkan kepada Ilmu Kalam Tradisi sebagai tidak praktikal dan tidak relevan dengan kehidupan umat Islam. Perbincangan Imamah atau Kepimpinan yang dibahaskan dalam Kalam Klasik boleh diangkat semula melalui Kalam Amali dengan penambahan mauduk-mauduk baru seperti kebebasan, keadilan, kemajuan dan seumpamanya. Kalam Amali dengan bantuan Usul-Fiqh berupaya menghuraikan tema-tema utama dalam disiplin Politik, Ekonomi, Sosiologi dan disiplin Sains Sosial yang lain.

⁷ Usaha-usaha menghuraikan dapatan-dapatan penyelidikan Sains Moden khususnya Fizik dari perspektif Kalam telah dilakukan oleh Altaie, Basil, *God, Nature, and the Cause: Essays on Islam and Science*, (Kuala Lumpur: ISSI-KRM, 2017).

Kalam Ruhani, Tasawwuf dan Psikologi

Sejak Descartes (1596-1650) memperkenalkan dualisme jiwa-raga, memisahkan Tuhan dan Ruh dari kegiatan keilmuan manusiawi, lebih 300 tahun perkembangan sains dan ilmu pengetahuan Barat Moden masih terus meraba-raba tentang kedudukan Ruh dan Tuhan dalam kehidupan manusia. Psikologi Moden yang dimulakan oleh Wilhelm Wundt (1832-1920) meneruskan legasi Descartes memisahkan kegiatan dan penyelidikan ilmiah Psikologi dari membicarakan tentang Ruh atau Psyche. Psikologi tanpa Psyche atau ilmu ruh/jiwa tanpa ruh/jiwa merupakan standard atau piawai perbincangan Psikologi sehingga ke hari ini. Tasawwuf merupakan sains tentang ruh/jiwa atau ilmu keruhanian/kejiwaan dalam tradisi keilmuan Islam. Melihat kepada kegagalan Psikologi Moden menjawab persoalan-persoalan besar tentang manusia, ruh/jiwa dan Tuhan sudah sampai masanya bagi sarjana Islam menjadikan Tasawwuf sebagai disiplin ilmiah lagi saintifik Psikologi Islam menggantikan Psikologi Moden yang sebenarnya lebih bersifat ideologi (kepercayaan yang salah) bukannya epistemologi (kebenaran ilmu).

Kalam Ruhani adalah satu percubaan Analisis, Kritik dan Sintesis disiplin Tasawwuf bagi mendepani Falsafah Psikologi yang baru muncul di Barat ketika ini sebagai reaksi kepada kegagalan pelbagai pendekatan Psikologi Moden selama ini. Psikologi Moden yang dipelopori oleh Wilhelm Wundt dikenali sebagai Eksperimentalisme. Kemudian Sigmund Freud (1856-1939) memperkenalkan pula pendekatan Psikoanalisis diikuti oleh Carl Jung (1875-1961) dengan pendekatan yang hampir sama tetapi menggunakan konsep yang berbeza. Di Amerika Syarikat pula Psikologi Moden lebih berkembang dari pemikiran William James (1842-1910) sehingga B.F Skinner (1904-1990) yang dikenali sebagai Behaviorisme. Kemudiannya timbul pendekatan Cognitivisme yang mencabar Behaviorisme melalui pemikiran Noam Chomsky (Lahir 1928). Kini muncul pula pelbagai pendekatan baru Psikologi Moden seperti Psikologi Evolutionari dan Neuropsikologi selain dari Psikologi Kognitif yang kesemuanya menunjukkan betapa Psikologi Moden masih belum mendapat penjelasan yang pasti dan tetap tentang hakikat, sifat dan tabiat insan dan ruhnya.

Tasawwuf sebagai satu disiplin tentang hakikat, sifat dan tabiat insan dan ruh memiliki tradisi dan khazanah keilmuan yang sangat luas lagi mendalam yang berupaya memperjelaskan banyak perkara yang jelas sehingga kini dalam Psikologi Moden. Setidak-tidaknya Tasawwuf melalui Kalam Ruhani jika diperhalusi secara Analisis, Kritik dan Sintesis boleh dibina menjadi disiplin Psikologi tersendiri untuk umat Islam sebagai ganti kepada Psikologi Moden yang tidak

memuaskan setakat ini tentang penjelasannya mengenai hakikat, sifat dan tab'iat insan itu. Begitu juga tentang potensi perubahan atau transformasi insan ke arah keadaan diri yang lebih baik lebih jelas telah dihuraikan dalam Tasawwuf berbanding dengan Psikologi Moden. Malah apa yang dikatakan sebagai amalan-amalan Tariqah atau dimensi praktikal Tasawwuf boleh menjadi sebahagian dari Psikoterapi yang sesuai untuk umat Islam dan selari dengan ajaran Islam itu sendiri. Begitu jugalah halnya dengan peranan Tasawwuf dalam disiplin-disiplin sains yang lain seperti Kaunseling, Pendidikan, Kepimpinan dan Pembangunan Manusia yang mempunyai peranan Psikologi dalamnya akan menjadikan Tasawwuf lebih relevan dan berpotensi untuk dikembangkan secara Analisis, Kritik dan Sintesis.

Kalam Sina'i, Rekacipta Tradisi Islam dan Teknologi

Dalam perkembangan falsafah di Barat, Falsafah Teknologi adalah bidang perbincangan yang masih baru disebabkan sikap dan pandangan tradisi keilmuan Barat yang mengikuti tradisi keilmuan Yunani bahawa teknologi bukanlah ilmu pengetahuan yang hakiki tetapi sekadar kerja-tangan artisan. Bagaimanapun bermula dari Revolusi Industri abad ke 18, teknologi mengambil tempatnya yang tersendiri dalam dunia ilmu pengetahuan menjadi semakin penting sehingga muncul apa yang disebut kompleks teknoains pada abad ke 20, iaitu teknologi menjadi pemangkin perkembangan sains dalam hubungan antara universiti, kerajaan dan industri. Oleh kerana itu boleh dikatakan wacana Falsafah Teknologi hanya muncul pada abad ke 20 melalui dua tokoh utamanya iaitu Martin Heidegger (1889-1976) dan John Dewey (1859-1952). Hampir kesemua sarjana yang membahaskan Falsafah Teknologi semasa tidak terlepas dari merujuk kepada Heidegger khususnya karya klasik Falsafah Teknologi beliau *Die Frage nach der Technik* (The Question Concerning Technology).

Cakupan Falsafah Teknologi semasa meliputi persoalan sejarah teknologi, kritik terhadap teknologi, etika teknologi, kesan teknologi terhadap masyarakat dan politik teknologi. Dalam konteks inilah mengapa Kalam Sina'i atau wacana Islam mengenai hakikat, sifat dan tabi'at teknologi perlu dikemukakan oleh para ilmuwan Islam kerana di Barat pun wacana teknologi ini masih diperingkat awal dan belum terdapat kata sepakat yang jelas mengenai disiplin Falsafah Teknologi itu sendiri. Oleh kerana teknologi itu sendiri memberi kesan yang besar mempengaruhi kehidupan umat Islam, maka perbahasan dan penyelidikan ilmiah tentangnya perlu dilaksanakan melalui pendekatan Analisis, Kritik dan Sintesis Ilmu Kalam supaya akhirnya umat Islam tahu hakikat, sifat dan tabi'at teknologi dan kemudiannya tahu pula bagaimana berinteraksi dengan teknologi. Bukan sekadar itu berinteraksi dengan teknologi,

malah umat Islam boleh berinovasi dan merekabentuk teknologi selari dengan faham Ketuhanan, Kenabian dan Kebangkitan yang menjadi teras Ilmu Kalam.

Oleh kerana teknologi yang bersifat intensif dan ekstensif ini adalah fenomena abad ke 20, kita juga tidak menjumpai perbincangan tentang teknologi secara reflektif atau falsafi dalam tradisi keilmuan Islam silam. Hanya seorang tokoh Islam iaitu Ibn Khaldun ada membicarakan klasifikasi teknologi yang beliau namakan sebagai Sinaah atau Rekacipta dalam kitab agung beliau Muqaddimah. Pun begitu seperti mana tradisi keilmuan Yunani dan tradisi keilmuan Barat sebelum abad ke 20, Ibn Khaldun tidak meletakkan Sina'ah atau Rekacipta dalam kategori klasifikasi disiplin-disiplin sains dan ilmu pengetahuan tetapi mengasingkannya kedalam satu bab yang tersendiri. Bagaimanapun dari Ibn Khaldun ini kita dapat mengambil pengajaran bahawa klasifikasi teknologi, Sina'ah atau Rekacipta ini boleh membantu kita kemudiannya untuk melakukan Analisis, Kritik dan Sintesis tentang hakikat, sifat dan tabi'at teknologi, Sinaah atau Rekacipta. Seperti yang telah dibuat oleh Ibn Khaldun, perlu juga diklasifikasi disiplin-disiplin sains teknologi semasa misalnya kejuruteraan, perubatan, pertanian, senibina, senikerjatangan, teknologi maklumat, alam sekitar dan seumpamanya bagi memudahkan aktiviti Analisis, Kritik dan Sintesis teknologi tersebut.

Kalam Sina'i atau Kalam Teknologi, Rekacipta, Rekabentuk dan Inovasi boleh menjadi sumbangan besar dan penting tradisi, tajdid dan trajektori Ilmu Kalam memandangkan tidak wujud perbincangan ini dahulunya sedangkan ia merupakan isu yang sangat mendesak dalam kehidupan umat Islam semasa. Malah Kalam Sina'i berpotensi menjadi ruang kreativiti dan inovasi sarjana Islam dunia moden kerana ia bakal menggabungkan elemen-elemen Kalam Tradisi yang asal, Usul-Fiqh dan Tasawwuf kerana hakikat, sifat dan tabi'at teknologi itu sendiri yang terpadu dalamnya elemen-elemen teoria, praxis dan psyche menjadi techne. Justeru Kalam Sina'i memerlukan sarjana Islam yang lebih versatile dalam menggarap intipati ilmu-ilmu Islam dan ilmu-ilmu moden.

Sebagai permulaan Kalam Sina'i boleh dilaksanakan dengan mencetuskan terlebih dahulu faham teknologi, rekacipta, rekabentuk dan inovasi dalam cakupan Falsafah Teknologi Barat yang telah ada melalui tema-tema sejarah teknologi, kritik terhadap teknologi, etika teknologi, kesan teknologi terhadap masyarakat dan politik teknologi. Kemudiannya sarjana Islam mesti melakukan Analisis, Kritik dan Sintesis kandungan tema-tema ini berdasarkan Kalam, Usul-Fiqh, Tasawwuf dan disiplin-disiplin ilmu Islam lain yang berkaitan. Diwaktu yang sama tema-

tema khusus yang menyentuh keperluan dan kepentingan umat Islam boleh dikemukakan supaya melaluinya faham teknologi, rekacipta, rekabentuk dan inovasi akan lebih dimiliki dan dirasai oleh umat Islam itu sendiri. Lama-kelamaan akan terbina satu wacana Kalam Sina'i – wacana teknologi, rekacipta, rekabentuk dan inovasi yang benar-benar terbit dari Rahim ilmu-ilmu Islam tetapi sangat peka dan dinamik menangani dan mendepani cabaran-cabaran teknologi terkini.

Penginstitution Kalam Analitik dan Sintesis Sains-Sains Islam-Semasa: Pengemblengan Peranan Universiti

Kalam Analitik yang dikemukakan oleh penulisan ini bertujuan mengembalikan peranan Ilmu Kalam sebagai ilmu nazariyyah (teoretikal), kulliyah (universal) dan usuliyah (fundamental) sepertimana yang telah sedia dipelopori dan menjadi kelaziman dalam tradisi keilmuan Islam sejak dari abad kedua Islam lagi khususnya iaitu sebagai Fiqh al-Akbar. Sebagai ilmu atau sains yang paling tinggi dalam hiraki atau maratib ilmu pengetahuan, Ilmu Kalam menjadi ilmu yang menyediakan aksiom-aksiom dan prinsip-prinsip utama bagi postulat-postulat atau premis-premis ilmu-ilmu dibawahnya khususnya berkaitang dengan aksiom dan prinsip Ketuhanan, Kenabian dan Kebangkitan. Paling tidak semua ilmu-ilmu dibawah Ilmu Kalam menggunakan beberapa aksiom/prinsip penting Ilmu Kalam dalam pembentukan atau penghasilan ilmu-ilmu tersebut seperti Usul al-Fiqh, Tasawwuf, Fizik, Biologi, Politik, Ekonomi, Kejuruteraan dan Perubatan misalnya. Secara langsung dan tidak langsung Ilmu Kalam berperanan sebagai ilmu atau sains pemersatu pelbagai disiplin sains-sains Islam dan semasa kerana perkongsian aksiom/prinsip yang diambil dari Ilmu Kalam misalnya. Peranan sains pemersatu ini juga sangat bertepatan dengan Ilmu Kalam sebagai Sains Tawhid atau Pengesaan Allah SWT yang ketika ini belum wujud dalam sistem ilmu dan sains semasa.

Penginstitution Ilmu Kalam bermula di Universiti khususnya di Jabatan-Jabatan Akidah, Usuluddin dan Pemikiran Islam. Jabatan-Jabatan ini memiliki ramai pensyarah yang berlatar-belakangkan Ilmu Kalam dari perspektif tradisional yang perlu didinamikkan dalam konteks interaksi dengan sains-sains semasa. Para pensyarah Ilmu Kalam tradisional ini perlu menumpukan pengkajian mereka kepada kategori Kalam Analitik berdasarkan karya-karya Fakharuddin Al-Razi dalam Muhassal, Al-Taftazani dalam Maqasid dan Abdul Rahman Al-Iji dalam Mawaqif juga Al-Jurjani dalam Sharh Mawaqif seperti yang dinyatakan sebelum ini. Para pensyarah Ilmu Kalam perlu didedahkan dengan kandungan-kandungan Logik, Metodologi, Epistemologi, Ontologi dan Aksiologi dalam karya-karya Kalam Analitik ini

sebagai persediaan bagi mereka mendepani sains-sains Islam dan semasa yang lainnya. Kemudian juga para pensyarah Ilmu Kalam ini perlu didedahkan dengan aksiom/prinsip disiplin Usul al-Fiqh dan Tasawwuf supaya mereka menguasai logik dan metodologi sains-sains Islam yang penting ini. Sudah pasti mereka perlu menguasai sistem logik/mantiq tradisional Islam yang dengannya Ilmu Kalam dan Ilmu Usul al-Fiqh itu dibina. Tradisi Analitik dalam Islam yang menggabungkan Mantiq, Kalam dan Usul-Fiqh inilah yang dikenali sebagai Tariqah al-Mutakallimin oleh Ibn Khaldun dan para ulama dalam tradisi Usul-Fiqh.

Fasa seterusnya ialah para pensyarah Ilmu Kalam perlu mula menguasai Falsafah Sains bagi membolehkan mereka memahami hakikat, sifat dan tabi'at sains-sains semasa. Mereka perlu berupaya melakukan Analisis, Kritik dan Sintesis antara aksiom/prinsip sains-sains Islam dengan sains-sains semasa. Kefahaman dan penguasaan terhadap Falsafah Sains Tabi'i, Falsafah Sosial Sains, Falsafah Psikologi dan Falsafah Teknologi adalah langkah permulaan untuk berinteraksi dengan sains-sains semasa sebelum mereka meneroka disiplin-disiplin sains yang lebih khusus dan terperinci seperti Fizik, Biologi, Neurosains, Politik, Ekonomi, Sosiologi dan seumpamanya. Sepertimana sains-sains Islam, sains-sains semasa juga terhasil dan berkembang berdasarkan aksiom-aksiom dan prinsip-prinsip asasi yang membina kerangka bangunan sains-sains tersebut. Dalam proses interaksi antara sains-sains Islam dan sains-sains semasa inilah, para pensyarah dapat menelitik aksiom-aksiom, prinsip-prinsip, postulat-postulat, premis-premis, teori-teori dan seumpamanya yang saling bersamaan dan bertentangan antara pelbagai sains-sains Islam dan semasa ini. Disinilah ketrampilan Analisis, Kritik dan Sintesis dikalangan para pensyarah diperlukan bagi melaksanakan daya-usaha, ijtihad dan tahqiq mereka terhadap dapatan-dapatan sains-sains Islam dan semasa ini antara satu sama lain dan tidak semestinya sehalu sahaja. Malah sains-sains Islam juga boleh mendapat manfaat dan diperkasakan melalui interaksi dengan sains-sains semasa.

Sesungguhnya interaksi antara sains-sains Islam dan semasa merupakan langkah permulaan sebelum sebarang proses integrasi dan Islamisasi ilmu pengetahuan ingin dijayakan. Ia adalah proses yang panjang dan mesti diulang-ulangkan interaksi tersebut agar hakikat, sifat dan tabi'at sains-sains itu benar-benar difahami dan diasimilasi dalam sistem ilmu dan akhirnya nanti kehidupan umat Islam itu sendiri. Tidak semestinya semua interaksi ilmu berakhir dengan Islamisasi malah Analisis, Kritik dan Sintesis sains-sains Islam dan semasa ini mungkin boleh menghasilkan sains-sains baru yang lebih menyeluruh tanpa mesti dinamai dengan sains atau ilmu Islam. Sepertimana yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam, proses Analisis,

Kritik dan Sintesis ilmu pengetahuan ini mesti dilakukan pula oleh para sarjana Islam semasa. Meskipun sebagai permulaan Jabatan-Jabatan Akidah, Usuluddin dan Pemikiran Islam bertanggungjawab mengambil amanah ini, kemudiannya Jabatan-Jabatan lain seperti Usul-Fiqh, Al-Qur'an, Al-Sunnah dan lain-lain juga wajib meneroka proses yang sama demi penghasilan ilmu-ilmu baru Islam yang dinamik, relevan dan kompeten dalam menghadapi cabaran ilmu-ilmu semasa.

Peringkat-Peringkat Pembentukan Kalam Analitik Sebagai Falsafah Sains Islam



Kerangka Besar Pembinaan Falsafah Sains/Metasains Islam



Tahap Pertama: Pembinaan Asas Falsafah Sains/Metasains



Tahap Kedua: Peringkat Pembinaan Struktur Sains-Sains



Tahap Ketiga: Peringkat Partisipasi Antara Sains Islam dan Sains Semasa

	TAHAP 1: Metafizik	Tahap 2: Arkitektonik	Tahap 3: Pragmatik
1	Psikologi	Tradisi & Pembaharuan Kalam	Kalam Nazari &
2	Logik	Pembaharuan Kalam & Ilmu-Ilmu Lain	Sains Teoretikal
3	Epistemologi	Dekolonisasi Ilmu	Kalam Amali &
4	Ontologi	Kritik Ilmu-ilmu Barat	Sains Praktikal & Sosial
5	Aksiologi	Kritik Ilmu-ilmu Islam	Kalam Ruhani &
6	Ilahiyyah	Klasifikasi Ilmu	Sains Psikologikal & Insan
7	Nubuwwah	Kalam Nazari & Usuluddin (Teoria)	Kalam Sina'i &
8	Akhirah	Kalam Amali & Fiqh/Usul-Fiqh (Praxis)	Sains Teknologikal
9	Ubudiyah	Kalam Ruhani & Tasawwuf (Psyche)	Topik Kalam Tahap Tinggi I &
10	Imamah	Kalam Sina'i & Al-Sina'ah (Techne)	Topik Kalam Tahap Tinggi II
11	Teks Klasik 1	Teks Klasik 6	Teks Klasik 11
12	Teks Klasik 2	Teks Klasik 7	Teks Klasik 12
13	Teks Klasik 3	Teks Klasik 8	Teks Klasik 13
14	Teks Klasik 4	Teks Klasik 9	Teks Klasik 14
15	Teks Klasik 5	Teks Klasik 10	Teks Klasik 15

Silabus Pembentukan Falsafah Sains/Metasains Islam

LATARBELAKANG PENULIS

Dr Amran Muhammad adalah Pengasas dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Islam dan Strategi – Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI), Kuala Lumpur, Malaysia dan Pengarah Kalam Research & Media (KRM) Asia Tenggara yang berpusat di Abu Dhabi, UAE. Beliau menerima BSc Ekonomi dari University of Alabama, Amerika Syarikat, MA dalam Sejarah dan Falsafah Sains Islam dari Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC, Kuala Lumpur) dan PhD dalam Polisi Sains dan Teknologi dari Pusat Sejarah Sains, Teknologi dan Perubatan, Universiti Manchester, UK. Beliau kini mengetuai Inisiatif Pembaharuan Kalam (Tajdid Kalam) di Malaysia dengan kerjasama beberapa universiti di Malaysia yang menumpukan kepada pendekatan semula pendekatan analitik, logik dan sistematik untuk memahami Islam dan hubungannya dengan perkembangan pemikiran, ilmu pengetahuan dan peradaban. Inisiatif Malaysia ini melengkapkan projek 9 tahun Teologi/Kalam Analitik di peringkat global antara Kalam Research and Media (KRM) dan John Templeton Foundation (Amerika Syarikat) bermula dari tahun 2013. Sebelum ini, beliau telah dipilih sebagai Rakan Penyelidik Nasional Malaysia untuk Projek Atlas Dunia Islam - Sains dan Inovasi di bawah Royal Society of United Kingdom dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dari 2009-2012. Semasa berkhidmat di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dari 1998-2013, beliau adalah Ketua Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains dan Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaysia. Dalam Inisiatif Pembangunan Kalam (Tajdid Kalam) di Malaysia, beliau telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuklah Kuala Lumpur International Kalam Symposium KLIKS 1-2016, KLIKS 2-2017, KLIKS 3-2018 yang mengemukakan tokoh-tokoh Kalam antarabangsa; Konvensyen Kalam Kebangsaan 1.0 – 2016 dan 2.0 – 2018 menghimpunkan kepakaran tokoh-tokoh Kalam Negara; dan Siri Seminar Kalam dan Hari Kalam di Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebagai pendedahan Ilmu Kalam kepada para pelajar. ISSI telah mengadakan kerjasama erat dengan Jabatan dan Pusat Pengajian Akidah, Usuluddin, Pemikiran Islam dan Perbandingan Agama Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (UNISZA) bagi menggalak dan meningkatkan kefahaman dan penghayatan serta peningkatan kualiti pengajian Ilmu Kalam dikalangan para pensyarah universiti. ISSI sendiri dari masa ke semasa terus mengadakan siri kuliah, talaqqi dan dawrah kitab-kitab Kalam Klasik termasuk Mantiq/Logik dan Usul-Fiqh kepada para pelajar yang berminat dalam bidang ini. ISSI berusaha membangunkan semula Tradisi Raya Analitik Dalam Islam sepertimana yang telah dipelopori oleh para Mutakallimun melalui gabungan dan sintesis Ilmu Mantiq, Kalam dan Usul-Fiqh. Pendekatan atau Metodologi Mutakallimun atau Tariqah al-Mutakallimin yang sedang dibina oleh ISSI ini diharapkan dapat memberi pencerahan dan kekuatan bagi umat Islam untuk melakukan Pembaharuan Pemikiran dan Peradaban Islam bagi Abad ke 21 ini.

